

Oleh Sri Ayu Kartika  
Amri  
kartika@hmetro.com.my

(20 Februari 2022) Metro 1 p. 21

# BAZAR PUASA, RAYA OKEY!

Kuala Lumpur

**B**azar Ramadan dan Bazar Aidilfitri di ibu kota diteruskan seperti biasa dengan pema-tuhan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, semua bazar dibenarkan berlangsung seperti tahun lalu, terutama Bazar Aidilfitri.

Katanya, setakat ini tiada sebarang arahan diterima daripada Kementerian berkaitan untuk melarang pembukaan bazar di Kuala Lumpur.

“Jumlah berapa banyak bazar, kami belum ada lagi, namun secara amnya kita teruskan seperti tahun lalu terutama Bazar Aidilfitri di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR).”

“Masih dengan sedikit kawalan SOP, tetapi tidak terlampau ketat seperti tahun sebelumnya.”

“Untuk Bazar Aidilfitri di Jalan TAR dibuat secara undian dan ia sudah selesai, hanya tunggu pelaksanaan sahaja, manakala Bazar Ramadan kawasan seperti kita benarkan dan di lokasi anjuran persatuan penjaja.”

“Kami pasti nanti ada rya-n, tetapi kita perlu tengok lokasi terlebih dahulu,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022 sempena sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur yang berlangsung 19 hingga 20 Februari di Panggung Anniversary Taman Botani Perdana, semalam.

Mahadi berkata, bagaimanapun SOP di setiap bazar tidak seketat tahun sebelumnya, ada sedikit kelonggaran, namun diharap semua pihak tidak ambil mudah mengenai penularan jangkitan Covid-19.

Beliau berkata, sekiranya wujud penularan atau kluster bazar, pihaknya mengi-

*Boleh diadakan dengan SOP lebih longgar*



PERTANDINGAN lukisan grafiti adalah sebahagian aktiviti pada Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022.



**Masih dengan sedikit kawalan SOP, tetapi tidak terlampau ketat seperti tahun sebelumnya”**

**Mahadi Che Ngah**

kut arahan ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sementara itu, orang ramai dijemput memeriahkan sambutan Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022 melalui pendaftaran secara dalam talian bagi mengawal bilangan pengunjung hadir.

Ditanya mengenai keperluan menutup taman rekreasi awam berikutan pe-



MAHADI (tiga dari kiri) melawat aktiviti Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022 selepas majlis pelancarannya di Panggung Anniversary, Taman Botani Perdana, semalam.

ningkatan jangkitan Covid-19 akibat virus Omicron, Mahadi berkata, buat masa ini tiada arahan diterima.

“Kami ikuti panduan daripada kerajaan dan KKM,

jika diarahkan tutup kita berbuat demikian, namun kami sentiasa tunggu keputusan kerajaan dan pan-tau serta mengikut arahan pihak berkuasa,” katanya.